

## KUASA PEMIKIRAN POSITIF

### Bahagian 2 / 4



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqassem.com](http://www.aliqassem.com)

Apabila kita menghadapi masalah dalam kehidupan, terdapat banyak cara untuk menanganinya secara positif. Kita kemungkinan menghadapi masalah kewangan, emosi, dan kita kemungkinan kehilangan kerja atau orang yang disayangi.

Walau bagaimanapun, tiada masalah yang akan kekal lama. Tambahan pula, semua perkara bermula dari yang kecil dan berkembang sehingga pesat. Masalah tidak akan berkembang menjadi besar jika kita menanganinya.

Sekiranya kita sentiasa berfikiran positif dan berurusan secara positif, ia akan membantu kita mempunyai kehidupan yang lebih baik, gembira, dan mempunyai produktiviti tinggi.

Untuk menangani sesuatu masalah, anda seharusnya sentiasa ingat bahawa bukan anda sahaja yang menghadapi masalah; semua makhluk yang hidup mempunyai masalah.

Seorang penulis yang tidak dikenali pernah menyatakan satu ungkapan yang sungguh bermakna. Beliau berkata, "Saya menangis sebab tidak berkasut sehinggalah saya ternampak seorang tanpa kaki."

Namun, saya bukanlah mencadangkan supaya anda memandang remeh terhadap masalah. Anda perlu berhati-hati dan tidak sekali-kali memandang rendah keupayaan anda bagi menyelesaikan masalah terhadap.

Adalah sangat mustahak bergaul dengan orang yang berfikiran positif bagi menangani masalah yang dihadapi. Ada segelintir manusia yang akan menyebabkan masalah anda bertambah sukar dan melemahkan semangat anda atau memberikan pandangan yang negatif. Anda harus menjauhi dan mengasingkan diri dengan orang-orang yang sedemikian.

Mark Twain berkata, "Jauhi dari orang-orang kecil yang memandang rendah cita-cita anda. Orang-orang kecil selalu berbuat demikian. Bergaul dengan orang-orang besar akan membuatkan anda berasa 'besar' juga."

Anda harus sentiasa bersama dengan orang yang optimistik, bersikap terbuka dan bincangkan masalah anda dengan mereka. Pendapat, maklumat atau idea orang lain mungkin adalah penyelesaian masalah anda; dua orang berfikir adalah lebih baik berfikir sendirian.

Salah satu keperluan personaliti kita adalah bantuan. Bagi menangani masalah, kita perlu mendapatkan bantuan daripada yang mampu. Namun, ego kita akan menghalang kita dari meminta bantuan orang lain, sebab ia memperlihatkan kelemahan kita. Kita seharusnya meminta bantuan orang lain dengan anggapan bantuan itu akan membuatkan kita lebih tabah.

Percaya pada diri anda dan berkeyakinan adalah antara kunci menangani masalah. Keyakinan diri membolehkan anda berfikir dengan lebih rasional, menyingkirkan keraguan, lebih efisien dan melengkapkan diri untuk menangani keadaan yang tertekan.

Dr. Robert Schuller dalam bukunya, "*If it's going to be, it's up to me*", berkata, "Setiap orang yang berjaya yang pernah yang temui berkata - hidup saya berubah apabila saya mula percaya pada diri sendiri."

Bertindak adalah satu lagi kunci penyelesaian masalah. Tabiat menunggu keajaiban berlaku untuk menyelesaikan masalah adalah satu penantian yang sia-sia. Sebagai contohnya, anda tidak ada pekerjaan. Adakah anda akan duduk menunggu seseorang datang mengetuk pintu dan menawarkan anda pekerjaan ?

**Bersambung...**